



**TUANKU Fauziah Tengku Abdul Rashid mengucapkan tahniah kepada Dr. Mahathir selepas menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains di upacara Konvokesyen USM ke-33 di Pulau**

## Dr. Mahathir dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains

PULAU PINANG 4 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains sempena konyokesyen Universiti Sains Malaysia (USM) ke-33.

Penganugerahan tersebut disempurnakan oleh Canselor UBM, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid di Dewan Tuanku Syed Putra, di sini.

Penganugerahan ijazah tertinggi universiti itu merupakan pengiktirafan USM terhadap sumbangan bekas Perdana Menteri itu dalam bidang sains dan teknologi di negara ini.

Konvokesyen tersebut, turut mencatat sejarah apabila seramai 78 graduan sulung Sarjana Muda Sains Kesihatan dalam bidang sains pergigian serta forensik dan sinaran menerima ijazah masing-masing.

Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr. Dzulkifli Abdul Razak yang berucap sebagai pemidato utama sempena konvokesyen itu berkata, ketokohan Dr. Mahathir sebagai seorang negarawan tidak boleh disangkal lagi.

Katanya, sumbangannya kepada Malaysia, negara-negara membangun, dunia Islam serta masyarakat antarabangsa tidak ternilai sehingga dianggap sebagai pusaka sejarah bangsa dan dunia.

"Hari ini kita mencatat serta mengiktiraf satu lagi sumbangan Dr. Mahathir yang sewajarnya turut tersenarai antara bukti kewibawaan kepimpinannya - sebaris dengan pencapaian cemerlang beliau dalam bidang politik, ekonomi dan pembangunan," katanya.